

19/02/2003

Delegasi puji usaha Malaysia

Akmal Abdullah

BEBERAPA delegasi yang menyertai Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur (KLWFF) 2003 mengakui kagum dan berbangga dengan penganjuran festival itu kerana disifatkan unik dan penuh kelainan kerana mempunyai temanya.

Mereka menyifatkan tema `Keamanan, Harmoni, Tanpa Keganasan, Tanpa Diskriminasi' adalah bertepatan dengan suasana politik dunia masa kini yang semakin terancam akibat sikap pihak tertentu yang tamakkan kuasa dan hilang sifat kemanusiaan.

Justeru, festival itu wajar diteruskan dengan mengekalkan tema sedemikian sambil memuji Malaysia berjaya menganjurkan satu festival filem yang harus dicontohi.

Wakil delegasi Thailand, Prasert Wiwattananongpong, berkata KLWFF adalah contoh yang baik kerana mempunyai tujuan untuk menyeru ke arah mewujudkan filem yang mempunyai nilai positif dan Malaysia berjaya menjadi penganjurnya yang pertama.

"Festival ini baik untuk negara peserta yang cintakan keamanan kerana filem sememangnya dinilai dan dihasilkan untuk tujuan yang baik kepada masyarakat," katanya yang juga seorang penerbit filem.

Wakil delegasi Sri Lanka, K S Perera, berkata beliau kagum dengan penganjuran KLWFF 2003 kerana ia mempunyai matlamat yang baik dan berjaya mengumpulkan banyak filem yang mempunyai tema keamanan.

"Saya sudah hadir banyak festival filem antarabangsa tetapi kali ini ia ada kelainan dan banyak perbezaan terutamanya filem yang disertai ini harus ada tema keamanan dan tidak ada unsur keganasan. Idea Perdana Menteri anda (Datuk Ser Dr Mahathir Mohamad) memang bagus," katanya.

Perera yang juga Pengurus Besar Perbadanan Filem Nasional Sri Lanka juga bersetuju jika festival ini harus dijadikan acara tahunan.

Wakil delegasi Cuba, Alejendro Escalora Agueno, pula berkata penganjuran festival itu cukup unik dan ia adalah satu pengalaman menarik baginya.

"Kami akan jadikan acara seperti ini sebagai contoh kepada festival antarabangsa di negara kami yang akan diadakan pada Disember ini nanti. Majlis perasmian ini menarik dan akan digunakan untuk festival kami pula.

"Ini adalah satu inisiatif daripada Perdana Menteri anda yang cukup penting untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dunia dan pada masa sama festival ini penting untuk bangsa dan ekonomi Malaysia. Festival yang mempunyai tema seperti ini boleh dimanipulasikan untuk kepentingan rakyat," katanya.

Tokoh filem tempatan, Datuk Jins Shamsudin, turut berbangga dengan KLWFF sambil menyifatkan ia wajar dijadikan acara tahunan.

"Seperti kata Perdana Menteri, ia bukan sekadar acara sempena NAM tetapi sangat bagus. Lagipun, inilah kali pertama kita anjur festival antarabangsa dengan jumlah penyertaan yang paling banyak iaitu 38 negara